

NOVEL PENGABDIAN BAB 1 BAHAGIAN 4

SINOPSIS

Arahan: Lengkapkan tempat kosong berdasarkan sinopsis yang telah dipelajari.
[20 markah]

Selepas makan malam, Fatimah berbincang dengan anaknya, (1)_____ tentang Zul dan Marina. Marina telah ditahan di (2)_____ kerana menggugurkan kandungannya. Marina perlu dijaga kerana dia cuba untuk (3)_____. Ibu bapa Marina mahu Zul pulang untuk (4)_____ dengan Marina. Siti Nur bersetuju untuk menguruskan wang bagi keperluan (5)_____. Ketika berusia lapan tahun, Siti Nur dan keluarganya pernah makan nasi berlaukkan (6)_____. Kehidupan keluarga Siti Nur berubah setelah ayahnya mendapat pekerjaan sebagai (7)_____ di Jabatan Kerja Raya. Siti Nur terpaksa berjalan (8)_____ ke sekolah kerana tidak mempunyai wang untuk perbelanjaan sekolah. Selama 13 tahun bersekolah, Siti Nur sering mendapat tempat (9)_____ dalam pelajaran.

Siti Nur akhirnya dikenali sebagai seorang doktor muda Melayu yang bijaksana dan (10)_____. Siti Nur banyak berkorban untuk membantu (11)_____. Siti Nur turut membantu sepupunya di Miri yang telah kematian (12)_____. Siti Nur juga membiayai persekolahan anak-anak saudara Marof di (13)_____. Ayah Siti Nur bercadang untuk menyewakan tanah TOL kepada (14)_____. Peter ingin menggunakan tanah tersebut untuk mendirikan (15)_____. Ayah Siti Nur membelanjakan kira-kira \$100 sebulan untuk membeli (16)_____. Siti Nur teringat bahawa ayahnya pernah bermain (17)_____ di belakang kedai Cina. Ayah Siti Nur menelefon dan memberitahu bahawa (18)_____ belum pulang ke rumah. Siti Nur merancang untuk pergi ke (19)_____ pada hujung minggu bagi menasihati Hannah. Pada akhir cerita, Siti Nur dan Fatimah tidur selepas berbincang tentang Zul, Marina, Azmil dan (20)_____.

Jumlah: 20 markah